

KM JAS 15/2024



**SIARAN MEDIA
JABATAN ALAM SEKITAR**

**LAPORAN STATUS KUALITI UDARA
DALAM NEGARA**

30 April 2024, PUTRAJAYA - Indeks Pencemar Udara (IPU) yang direkodkan di laman web Jabatan Alam Sekitar pada jam 11 pagi ini menunjukkan 27 kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap baik, 39 kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap sederhana dan satu (1) kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap tidak sihat iaitu di Rompin, Pahang (IPU : 166) yang disebabkan oleh kebakaran tanah gambut di Ladang Pahang Coconut Valley, berhampiran Kampung Kerpal, Muadzam Shah, Pahang. Tiada bacaan tersedia di satu stesen pengawasan kerana telah digerakkan ke Kuala Terengganu, Terengganu untuk memantau kualiti udara di sana.

Susulan daripada status bacaan IPU mencecah bacaan 151-200 dalam tempoh melebihi 24 jam di Rompin, Pahang, Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah mengeluarkan **Nota Pemberitahuan Amaran Awal 2** kepada **Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC)** untuk tindakan hebahan **Notis Kesiapsiagaan Operasi Bencana ke peringkat negeri dan daerah** terbabit untuk mengaktifkan **Jawatankuasa Pengurusan Bencana Peringkat Daerah/Negeri**

dan mengambil segala tindak balas berdasarkan Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan.

JAS telah meningkatkan tindakan penguatkuasaan dan aktiviti pemantauan melalui darat dan udara dengan menggunakan drone serta memantau bacaan IPU dari masa ke semasa. Koordinasi di antara agensi berkaitan dan pemilik ladang bagi merancang kerja-kerja pemadaman dan kawalan kebakaran turut telah diadakan.

Peta Jerebu Serantau yang dikeluarkan oleh ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC) pada 30 April 2024 melaporkan kawasan selatan ASEAN mengalami cuaca hujan. Titik panas dikesan di Semenanjung Malaysia tetapi tiada kepulan asap dikesan oleh imej satelit. Tiupan angin di kawasan selatan ASEAN bergerak perlahan dan berubah arah.

Semua pemilik tanah dinasihatkan supaya memantau secara rapi kawasan-kawasan yang mudah dan sering terbakar seperti tapak pelupusan sampah, hutan, tanah gambut, ladang, kawasan pertanian dan industri serta mengambil langkah-langkah untuk mencegah pencerobohan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggung jawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka sama ada untuk tujuan tertentu atau dengan tidak sengaja.

NASIHAT KEPADA ORANG RAMAI

- Bacaan IPU terkini setiap jam boleh dirujuk di laman web Jabatan Alam Sekitar (JAS) di alamat url, <http://apims.doe.gov.my/> atau dengan memuat turun aplikasi telefon pintar rasmi MyIPU di 'Google Play' .

- Orang ramai dinasihatkan melayari laman web Kementerian Kesihatan Malaysia (www.moh.gov.my) bagi mendapatkan nasihat kesihatan dan langkah-langkah pencegahan semasa jerebu;
- Orang ramai diingatkan **agar tidak melakukan pembakaran terbuka atau membiarkan tanah atau premis kepunyaan mereka dimasuki atau dicerobohi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka untuk tujuan tertentu atau dengan tidak sengaja.** Menurut Seksyen 29(A), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, mereka yang disabitkan dengan kesalahan melakukan pembakaran terbuka boleh dikenakan denda tidak melebihi RM 500,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali. Kompaun maksimum sebanyak RM 2000 juga boleh dikenakan atas setiap kesalahan.
- Orang ramai diminta bekerjasama untuk memadam kebakaran-kebakaran kecil dan juga melaporkan kes-kes pembakaran terbuka atau kebakaran kepada Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat di talian **999** dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) di talian bebas tol, **1-800-88-2727**


-TAMAT-

DATO' WAN ABDUL LATIFF BIN WAN JAFFAR

Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia

PETA JEREBU SERANTAU 30 APRIL 2024

Regional Haze Situation



Latest Weather and Haze Situation

Dry conditions prevailed over the northern ASEAN region overnight, except for scattered showers over the southern Philippines. Scattered to widespread hotspots were detected in Lao PDR, Thailand and Myanmar from the overnight satellite pass, while isolated hotspots were detected elsewhere in the Mekong sub-region. Widespread moderate to dense smoke haze was observed over parts of eastern Myanmar, northern Lao PDR, northern and northeastern Thailand, northern Viet Nam as well as over northern Cambodia and eastern Thailand from morning satellite imagery. It was difficult to determine the full hotspot and haze situation over Myanmar due to cloudy conditions. Many air quality stations in the northern and northeastern Mekong sub-region continue to report Unhealthy levels, with a few stations in the north reporting Very Unhealthy levels.

Isolated showers were observed over parts of the southern ASEAN region overnight. Isolated hotspots were detected mainly in Peninsular Malaysia but no significant smoke plumes were observed from morning satellite imagery.

Updated 11:34 AM 30 Apr

Weather and Haze Outlook

Existing dry weather conditions are forecast to continue over most parts of the Mekong sub-region in the coming days, although eastern and western parts of the sub-region are likely to see increased rainfall. Elevated hotspot activity and transboundary smoke haze occurrence is expected to continue, especially in inland northern and central areas of the sub-region. Showers are forecast for most parts of the Philippines. The prevailing winds over the Mekong sub-region are expected to blow mostly from the southwest or west, while the winds over the Philippines are forecast to blow from the east or southeast.

Shower activities are likely to persist for the southern ASEAN region, except for northeastern parts of Peninsular Malaysia which is forecast to be relatively drier. The overall hotspot count is likely to remain low, but isolated hotspots with localised smoke plumes may still develop in areas that are dry. The prevailing winds over the southern ASEAN region are expected to be light and variable in direction.

Updated 11:34 AM 30 Apr

BACAAN IPU BAGI SELURUH MALAYSIA JAM 11PAGI, 30 APRIL 2024

STATION ID	LOCATION	Date/Time: 30/04/2024 11:00	
		API	CLASS
CA01R	Kangar, PERLIS	56**	Moderate
CA02K	Langkawi, KEDAH	48**	Good
CA03K	Alor Setar, KEDAH	71**	Moderate
CA04K	Sungai Petani, KEDAH	64**	Moderate
CA05K	Kulim Hi-Tech, KEDAH	65**	Moderate
CA06P	Seberang Jaya, PULAU PINANG	67**	Moderate
CA07P	Seberang Perai, PULAU PINANG	64**	Moderate
CA08P	Minden, PULAU PINANG	68**	Moderate
CA09P	Balik Pulau, PULAU PINANG	67**	Moderate
CA10A	Taipng, PERAK	68**	Moderate
CA11A	Tasek Ipoh, PERAK	58**	Moderate
CA12A	Pegoh Ipoh, PERAK	59**	Moderate
CA13A	Seri Manjung, PERAK	68**	Moderate
CA14A	Tanjung Malim, PERAK	37**	Good
CA15W	Batu Muda, W.P. KUALA LUMPUR	66**	Moderate
CA16W	Cheras, W.P. KUALA LUMPUR	85**	Moderate
CA17W	Putrajaya, W.P. PUTRAJAYA	63**	Moderate
CA18B	Kuala Selangor, SELANGOR	61**	Moderate
CA19B	Petaling Jaya, SELANGOR	71**	Moderate
CA20B	Shah Alam, SELANGOR	74**	Moderate
CA21B	Klang, SELANGOR	74**	Moderate
CA22B	Banting, SELANGOR	85**	Moderate
CA23N	Nilai, NEGERI SEMBILAN	68**	Moderate
CA24N	Seremban, NEGERI SEMBILAN	59**	Moderate
CA25N	Port Dickson, NEGERI SEMBILAN	63**	Moderate
CA26M	Alor Gajah, MELAKA	67**	Moderate
CA27M	Bukit Rambai, MELAKA	69**	Moderate
CA28M	Bandaraya Melaka, MELAKA	59**	Moderate
CA29J	Segamat, JOHOR	53**	Moderate
CA31J	Batu Pahat, JOHOR	55**	Moderate
CA32J	Kluang, JOHOR	51**	Moderate
CA33J	Larkin, JOHOR	52**	Moderate
CA34J	Pasir Gudang, JOHOR	36**	Good
CA35J	Pengerang, JOHOR	23**	Good
CA36J	Kota Tinggi, JOHOR	27**	Good
CA66J	Tangkak, JOHOR	54**	Moderate
CA37C	Rompin, PAHANG	166**	Unhealthy
CA38C	Temerloh, PAHANG	47**	Good
CA39C	Jerantut, PAHANG	36**	Good
CA40C	Indera Mahkota Kuantan, PAHANG	52**	Moderate
CA41C	Balok Baru Kuantan, PAHANG	65**	Moderate
CA42T	Kemaman, TERENGGANU	53**	Moderate
CA43T	Paka, TERENGGANU	38**	Good
CA44T	Kuala Terengganu, TERENGGANU	51**	Moderate
CA45T	Besut, TERENGGANU	52**	Moderate
CA46D	Tanah Merah, KELANTAN	80**	Moderate
CA47D	Kota Bharu, KELANTAN	63**	Moderate
CA48S	Tawau, SABAH	32**	Good
CA49S	Sandakan, SABAH	40**	Good
CA50S	Kota Kinabalu, SABAH	17**	Good
CA51S	Kimanis, SABAH	43**	Good
CA52S	Keningau, SABAH	36**	Good
CA53L	Labuan, W.P. LABUAN	22**	Good
CA54Q	Limbang, SARAWAK	21**	Good
CA55Q	ILP Miri, SARAWAK	14**	Good
CA56Q	Miri, SARAWAK	15**	Good
CA57Q	Samalaju, SARAWAK	37**	Good
CA58Q	Bintulu, SARAWAK	21**	Good
CA59Q	Mukah, SARAWAK	14**	Good
CA60Q	Kapit, SARAWAK	13**	Good
CA61Q	Sibu, SARAWAK	25**	Good
CA62Q	Sarikei, SARAWAK	20**	Good
CA63Q	Sri Aman, SARAWAK	20**	Good
CA64Q	Samarahan, SARAWAK	27**	Good
CA65Q	Kuching, SARAWAK	28**	Good
MCAQM001	Kuala Nerus	NA	NA
MCAQM001	Johan Setia	NA	NA
MCAQM002	IPD Serian	20**	Good
MCAQM003	Politeknik Kota Kinabalu	56**	Moderate